

KERATAN AKHBAR

Sasar 50 peratus peserta wanita

IPOH 4 Ogos - Kementerian Pembangunan Luar Bandar menasarkankan 50 peratus golongan wanita untuk menyertai program usahawan desa sekali gus dapat membaiki ekonomi keluarga.

Ketika ini sebanyak 27 peratus daripada kira-kira 82,000 peserta yang mengikuti pelbagai program bimbingan keusahawanan anjuran kementerian itu adalah wanita.

Menterinya Datuk Seri Rina Harun berkata, wanita terutamanya dari luar bandar harus mengambil peluang tersebut yang juga sebahagian daripada inisiatif kerajaan membantu golongan sasaran.

Menurut beliau, terdapat 12 buah agensi di bawah kementerian itu yang menyediakan pelbagai program bimbingan keusahawanan termasuk oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas).

"Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) 2030 yang dilancarkan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad pada Jun lalu menyediakan kerangka hala tuju pembangunan luar bandar



RINA HARUN (tiga dari kanan) bersama penerima Anugerah Beliawanis Harapan Kemas Perak, Nuraainna Noorhisham (dua dari kanan) sempena program WINS di Ipoh, Perak semalam. - UTUSAN/GAMBAR ZAKI SALLEH

ke arah menuju negara maju dan berpendapatan tinggi.

"Jadi apa yang dilakukan oleh pihak kementerian ketika ini adalah untuk melahirkan lebih ramai usahawanita desa," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian pro-

gram Wacana Ilmu Wanita Inspirasiku (WINS) anjuran Kemas di Pusat Konvensyen Casuarina, di sini hari ini.

Dalam majlis itu sebanyak 45 peserta menerima Kit Peralatan Kursus Kemahiran 'Quick Win' seperti ketuhar elektrik dan mesin jahit.

KETERANGAN AKHBAR